

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATUK JUSLIE BIN AJIROL  
[ LIBARAN ]**

**TARIKH : 30.3.2015**

**SOALAN :**

**Datuk Juslie bin Ajirol [ Libaran ] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan:-**

- (a) jumlah pelajar mengikut kursus di Kolej Vokasional Awam dan Kolej Vokasional Swasta di seluruh negara; dan
- (b) bilakah pelaksanaan Institut/Kolej Vokasional di Hub Pendidikan Sandakan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, data pada 28 Februari 2015 menunjukkan jumlah murid yang sedang mengikuti kursus di Kolej Vokasional Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ialah 16,617 orang, di Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA) 1,518 orang dan di Institut Latihan Kemahiran Swasta (ILKS) seramai 830 orang.
- b) Projek pembinaan sebuah Kolej Vokasional Sandakan berasrama penuh dengan lain-lain kemudahan berkaitan di kawasan Hub Pendidikan Sandakan, negeri Sabah telah diluluskan dalam *Rolling*

*Plan IV, Rancangan Malaysia ke-10* bagi pelaksanaan tahun 2015 dan dijangka siap pada tahun 2018.

RJM73